

9.1.2021

KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**  
CEO, PBAPP dan PBA Holdings Bhd.

## **SUNGAI MUDA: MB KEDAH TIADA ASAS UNTUK MENUNTUT BAYARAN, PULAU PINANG TIADA KEWAJIPAN MEMBAYAR**

PULAU PINANG, Sabtu, 9.1.2021: Menteri Besar Kedah tidak mempunyai asas untuk menuntut pembayaran dari Pulau Pinang kerana mengabstrak air mentah dari Sungai Muda.

Fakta berikut menjelaskan kenapa Pulau Pinang berhak untuk mengabstrak air mentah dari Sungai Muda tanpa pembayaran kepada Kedah:

### **Sungai Muda bukan milik eksklusif Kedah**

1. Sungai Muda adalah sungai yang mengalir melalui Kedah dan Pulau Pinang. Oleh itu, Kedah tidak “membekalkan air mentah” kepada Pulau Pinang. Sungai Muda juga bukan terusan, saluran paip atau saluran yang “dibina” oleh Kedah.

Fakta bahawa Sungai Muda mengalir melalui Pulau Pinang didokumentasikan dalam Akta Kedah dan Pulau Pinang (Penggubahan Sempadan) 1985 (Akta 325), yang termaktub sebagai Akta dalam Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan. Enakmen negeri yang diluluskan oleh Kedah dan Pulau Pinang pada tahun 1985 juga meletakkan sempadan negeri-negeri 'di sepanjang bahagian tengah garis sungai.

Oleh itu, Sungai Muda bukan milik eksklusif Kedah. Sebahagian sungai ini “milik” Pulau Pinang. Inilah sebabnya mengapa Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) membayar Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengabstrak air mentah dari Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang di Seberang Perai.

2. Sejak pembukaan “Skim Air Muda” pada tahun 1973 oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri kedua Malaysia, Pulau Pinang telah mengabstrak air dari Sungai Muda tanpa bayaran.

Tiada caj dikenakan kerana tiada dokumen, perjanjian atau MoU yang mewajibkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau PBAPP membayar sebarang bentuk yuran, caj, sumbangan dan pampasan kepada Kedah.

3. Pulau Pinang terus mengabstrak air mentah dari Sungai Muda tanpa sebarang bayaran kerana tiada yang berubah, berbanding Skim Air Muda, dalam tempoh 48 tahun ini.

Hari ini, PBAPP mengabstrak air mentah di hilir 13 loji rawatan air Kedah dan 4 muka sauk pengairan. Oleh itu, aktiviti abstraksi air mentah PBAPP tidak menghalang, menjejaskan atau mempengaruhi aktiviti abstraksi air Kedah di hulu dalam cara apa pun.

PBAPP mengabstrak air mentah di muka sauk Lahar Tiang dengan kosnya sendiri, menggunakan sumbernya sendiri. Oleh itu, tiada kos yang ditanggung oleh Kedah.

Berkaitan dengan Sungai Muda, Kedah tidak mempunyai asas undang-undang atau rasional untuk menuntut bayaran daripada Pulau Pinang. Lebih penting lagi, Pulau Pinang tidak mempunyai kewajipan perundangan untuk membayar Kedah.

### **Pemuliharaan Ulu Muda**

Sungai Muda adalah sungai yang memisahkan Kedah dan Pulau Pinang. Ulu Muda adalah kawasan tadahan air terpenting di Wilayah Ekonomi Koridor Utara Malaysia (NCER).

Oleh itu, pemuliharaan hutan hujan seluas 163,000 hektar di Ulu Muda dan kawasan sekitarnya adalah perkara yang berbeza dan terpisah.

Hutan hujan ini menadah air bagi Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, tiga negeri di NCER. Harap maklum bahawa Pulau Pinang bukan satu-satunya negeri yang mendapat manfaat daripada pemuliharaan Ulu Muda; kira-kira

70% air mentah Perlis dan 96% air mentah Kedah juga asalnya dari Ulu Muda.

Oleh itu, Kedah harus mendapatkan pampasan Kerajaan Persekutuan yang adil kerana memelihara Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air NCER. Ini adalah permintaan yang rasional kerana Ulu Muda menadah air mentah untuk tiga negeri yang menyumbang berbilion-bilion ringgit kepada pendapatan cukai Persekutuan setiap tahun.

Bagaimanapun, Kedah mesti mewartakan dan mengklasifikasikan keseluruhan kawasan Ulu Muda (163,000 ha.) sebagai “hutan tadahan air” yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 sebelum memohon pampasan Persekutuan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP memberi sokongan penuh untuk Kedah mendapatkan pampasan Persekutuan bagi pemuliharaan Ulu Muda sebagai tadahan air NCER dan Jelapang Padi Malaysia.

Ini untuk memastikan tidak akan ada kegiatan pembalakan, perlombongan atau sebarang pemusnahan lain di Ulu Muda yang akan membahayakan peranannya sebagai kawasan tadahan air NCER di masa depan. Menteri Besar Kedah tidak boleh mengharapkan untuk menerima wang begitu sahaja.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : syarifah@pba.com.my